

# TAHAP LITERASI GEOGRAFI FIZIKAL DALAM KALANGAN PELAJAR LUAR BANDAR

*Physical Geographic Literacy Levels Among Rural Students*

FATIN NURNAJWA MOHAMAD ASRI

Jabatan Geografi dan Alam Sekitar,  
Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Corresponding author: [fatinnajwa999@gmail.com](mailto:fatinnajwa999@gmail.com)

Received 10 Feb 2025; Revised: 25 April 2025; Accepted: 20 May 2025; Published: 1 June 2025

To cite this article: Fatin Nurnajwa, M. A. (2025). Tahap literasi geografi fizikal dalam kalangan pelajar luar bandar. *GEOGRAFI*, 13(1), 113-130. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol13.1.8.2025>

**ABSTRAK** Artikel ini bertujuan mengenal pasti tahap literasi geografi fizikal dalam kalangan pelajar luar bandar dengan menjadikan salah sebuah sekolah di Daerah Muallim sebagai kajian kes. Kajian ini melibatkan tiga pemboleh ubah iaitu pengetahuan literasi istilah geografi fizikal, kemahiran membaca dan melihat, bertutur dan mendengar, serta kemahiran menulis dan mencipta berkaitan dengan geografi fizikal. Pendekatan kuantitatif dan kualitatif dengan reka bentuk tinjauan borang soal selidik dan temu bual digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada 52 orang pelajar tingkatan satu dan dua yang bersetuju menjadi responden secara sukarela dan bersedia menjawab soal selidik. Analisis deskriptif (frekuensi dan peratus) dan inferensi (korelasi Pearson dan ANOVA) digunakan untuk menjawab setiap persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan 53.26% pelajar berada pada tahap sederhana dalam pengetahuan literasi istilah geografi fizikal, sementara kemahiran membaca dan melihat, bertutur dan mendengar, menulis dan mencipta berada pada tahap baik. Keputusan ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif antara kekerapan membaca buku, sumber rujukan dan minat terhadap geografi, bagi nilai  $r = -.152$ ,  $p > .023$ ,  $r = .124$ ,  $p > .045$  dan  $r = .171$ ,  $p > .012$  manakala keputusan ujian ANOVA menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara jantina. Secara keseluruhannya, literasi geografi fizikal pelajar berada pada tahap sederhana, dan kebolehan membaca, membaca, bertutur, mendengar, menulis, dan kreatif mereka berada pada tahap yang baik, tetapi perkadarannya masih lemah. Pihak sekolah dan Kementerian Pelajaran Malaysia boleh menggunakan implikasi kajian ini untuk melaksanakan langkah-langkah yang sewajarnya bagi meningkatkan kualiti pembelajaran daripada segi literasi dan kemahiran geografi dalam kalangan pelajar.

**Kata kunci:** Literasi, istilah, geografi fizikal, pelajar luar bandar

**ABSTRACT** This article aims to identify the level of physical geographic literacy among rural students by using one of the schools in Muallim District as a case study. This study involved three variables, namely literacy knowledge of physical geography terms, reading and seeing, speaking and listening skills, as well as writing and creative skills related to physical geography. Quantitative and qualitative approaches with survey design, questionnaires, and interviews were used in this study. The study sample consisted of 52 form one and two students who agreed to be voluntary respondents and were willing to answer the questionnaire. Descriptive

*(frequency and percentage) and inference (Pearson and ANOVA correlations) analyses were used to answer each study question. The findings showed that 53.26% of students were at a moderate level in literacy knowledge of physical geography terms, while reading and seeing, speaking and listening, writing and creating skills were at a good level. The results of the Pearson correlation test showed that there was a positive association between the frequency of reading books, reference sources and interest in geography, for the values of  $r=-.152$ ,  $p>.023$ ,  $r=.124$ ,  $p>.045$  and  $r=.171$ ,  $p>.012$  while the results of the ANOVA test showed no significant difference between the sexes. Overall, students' physical geographic literacy is at a moderate level, and their reading, speaking, listening, writing, and creative abilities are at a good level, but the proportion is still weak. Schools and the Ministry of Education Malaysia can use the implications of this study to implement appropriate measures to improve the quality of learning in terms of literacy and geographical skills among students.*

**Keywords:** Literacy, geographical terminology, physical geography, rural students

## 1. Pengenalan

Secara umumnya, tujuan pendidikan geografi dilaksanakan di Malaysia adalah untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan penguasaan kemahiran geografi serta memupuk nilai-nilai yang dapat melahirkan warganegara atau masyarakat yang berdaya saing, berwawasan, dan berkebolehan menguruskan alam dan sumber negara secara bertanggungjawab (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Bidang ini mempunyai pelbagai istilah khusus yang digunakan dalam menerangkan sesuatu proses atau fenomena. Bidang geografi sangat luas dan merangkumi dua cabang utama, iaitu geografi fizikal dan geografi manusia (Amriah, 2007). Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) menjelaskan bahawa Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) geografi di peringkat menengah rendah memberi fokus kepada penguasaan ilmu tentang bentuk dan ciri reruang serta persekitaran untuk melahirkan pelajar yang bersikap positif terhadap kelestarian alam sekitar. Hasrat ini juga dapat dicapai dengan mempelajari lima bahagian dalam kandungan kurikulum geografi peringkat menengah rendah iaitu kemahiran geografi, geografi fizikal, geografi manusia, geografi kawasan serta isu dan pengurusan alam sekitar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Selain itu, literasi juga penting dalam memberi kefahaman sebenar terhadap bidang geografi. Literasi bermaksud membina kemahiran kanak-kanak membaca dan menulis tanpa titik permulaan tertentu, di mana kedua-dua kemahiran ini terbina secara serentak dan saling bergantung tanpa urutan tertentu (Nurul Jamilah & Nor Zainiyah Zarita, 2021). Literasi geografi merujuk kepada keupayaan untuk membina dan menggunakan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran geografi untuk meneroka sesuatu, dapat membincangkan sesuatu perkara, menganalisis dan menyampaikan maklumat, konsep dan idea geografi dalam pelbagai cara. Literasi geografi merupakan keupayaan dan pengetahuan terhadap istilah serta makna yang terdapat dalam bidang geografi. Pengetahuan ilmu mengenai geografi merupakan satu bidang yang sangat luas. Literasi geografi, seperti yang ditakrifkan oleh *North Carolina Geographic Alliance* (2023), merangkumi persepsi, kefahaman

dan penglibatan individu dengan persekitaran terdekat mereka. Tahap celik geografi yang tinggi memerlukan pemahaman yang menyeluruh tentang interaksi antara unsur fizikal dan budaya serta pengaruhnya terhadap alam sekitar. Selain itu, individu yang mempunyai literasi geografi yang kuat mempunyai kesedaran yang tinggi tentang kejadian global dan mempunyai keupayaan untuk membezakan corak, taburan, dan interaksi antara kedua-dua aspek semula jadi dan manusia (Muhammad Hafiz, 2020). Menurut Rusli et al. (2020), literasi adalah satu kebolehan asas yang sangat diperlukan pada abad ke-21 dan amat penting bukan sahaja untuk pelajar, tetapi juga untuk ibu bapa dan masyarakat pada umumnya. Walau bagaimanapun, kemahiran literasi boleh digunakan sebagai ukuran kemampuan manusia. Oleh itu, masyarakat yang mempunyai tahap literasi geografi yang tinggi akan memberikan impak positif dalam pelbagai aspek.

Sebagai satu disiplin, geografi mempunyai pelbagai aspek dan menggunakan pelbagai konsep dalam menjelaskan atau menyampaikan bidang mata pelajaran dan kemahiran. Oleh sebab itu, pelajar memerlukan pelbagai kemahiran literasi untuk mengembangkan pemahaman mereka tentang geografi (Balderstone, 2006). Literasi dalam geografi melibatkan pelajar mengembangkan kemahiran membaca dan melihat, menulis dan mencipta serta bertutur dan mendengar. Mereka menggunakan pelbagai kemahiran ini untuk meneroka, mentafsir dan menilai fenomena dan isu geografi, dan menyampaikan idea mereka secara geografi. Ia juga melibatkan pelajar bekerja dengan pelbagai teks cetak, lisan, visual dan digital untuk mengumpul, mensintesis dan menganalisis maklumat, dan mempersembahkan dan mewajarkan idea, kesimpulan dan pendapat merentas pelbagai konteks geografi. Literasi geografi merujuk kepada keupayaan untuk membina dan menggunakan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran geografi untuk meneroka, membincangkan, menganalisis dan menyampaikan maklumat, konsep dan idea geografi dalam pelbagai cara (Australian Curriculum, Assessment and Reporting Authority, ACARA). Seperti yang dinyatakan oleh Utami et al. (2018), literasi geografi merangkumi keupayaan untuk mengubah pemahaman dan pengetahuan geografi kepada kemahiran kerana literasi merangkumi penyelesaian masalah, penaaakuan, pemikiran kritis dan pemikiran kreatif. Ini jelas menunjukkan bahawa individu yang mahir dalam domain ini mesti memiliki penguasaan menyeluruh terhadap semua aspek literasi yang disebutkan di atas.

Secara umum, penguasaan literasi geografi menimbulkan cabaran yang besar dalam mengembangkan pengetahuan dalam bidang yang luas ini. Banyak kajian telah menyelidiki pengertian literasi geografi, mentakrifkannya sebagai pemahaman lokasi dan keupayaan untuk mengenal pasti dengan tepat pada peta. Namun, hanya mengetahui lokasi tidak cukup untuk mengukur tahap celik geografi individu. Oleh itu, pelajar perlu mencapai pemahaman yang menyeluruh tentang literasi geografi. Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Slim (SMK Slim), Slim River, Perak yang mewakili kawasan luar bandar untuk menilai tahap literasi geografi fizikal pelajar yang mungkin menghadapi kekangan berbanding pelajar di kawasan bandar. Pemilihan lokasi ini sangat penting kerana dapat memberi peluang untuk mengenal pasti tahap penguasaan konsep geografi fizikal di

kalangan pelajar luar bandar serta mencadangkan penambahbaikan dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran geografi di kawasan seumpamanya.

## **2. Kajian Literatur**

### **2.1 Geografi**

Geografi merupakan pengetahuan yang mengkaji hubungan antara manusia dengan alam sekitar di kawasan pada masa tertentu, sama ada ruang fizikal atau ruang sosial. Ruang fizikal ialah jumlah kandungan fizikal termasuk atmosfera, biosfera, hidrosfera dan litosfera. Ruang sosial ialah keseluruhan spektrum usaha manusia termasuk demografi, penduduk, penempatan, bandar dan aktiviti yang berkaitan dengan manusia lain. Menurut Eratosthenes geografi merujuk kepada Geo yang diiktirafkan sebagai "Bumi" dan "graphos" bermaksud kajian atau penerangan. Geografi juga merupakan satu cabang sains yang mengkaji tentang bumi. Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) (2010) mentakrifkan geografi sebagai satu agen yang mengkaji perhubungan ruangan dan sains dalam penggunaan tanah. Oleh itu, geografi melibatkan empat elemen yang memberi manfaat terhadap hidupan lain dan manusia di permukaan bumi.

### **2.2 Geografi Fizikal**

Cabang geografi yang membincangkan keadaan fizikal bumi adalah geografi fizikal. Ia mengkaji bumi sebagai satu sistem, termasuk batuan, laut dan lautan, iklim, luhawa, ekosistem, serta tumbuhan dan haiwan liar. Geografi fizikal juga melihat dari segi landskap, proses permukaan, dan iklim bumi, serta semua aktiviti yang berlaku dalam empat lingkungan: atmosfera, hidrosfera, litosfera, dan biosfera. Elemen-elemen penting dalam geografi fizikal termasuk kajian tentang interaksi bumi dengan matahari, musim, komposisi atmosfera, tekanan atmosfera dan angin, ribut, gangguan iklim, zon iklim, kitaran hidrologi, tanah, sungai, flora dan fauna, luhawa, hakisan, glasier, lembaran ais, ekosistem, dan lain-lain. Kamus Geografi Fizikal (Whittow, 1984) mendefinisikan bidang ini sebagai: "The study of the spatial and temporal characteristics and relationships of all phenomena within the earth's physical environment." Menurut Strahler dan Strahler (1983), fokus utama geografi fizikal ialah pada 'lapisan hidup' atau zon daratan sempit yang dikelilingi oleh lautan yang mengandungi kebanyakan hidupan organik dunia. Lapisan hidup ini dibendung oleh atmosfera yang menyediakan alam sekitar yang sesuai untuk kehidupan dalam lapisan tersebut. Secara amnya, geografi fizikal merangkumi semua bidang sains yang mengkaji komponen-komponen yang membentuk lapisan hidup tersebut.

**Jadual 1.***Definisi literasi mengikut negara*

Negara	Definisi literasi
Nepal	Secara tradisinya, literasi merujuk kepada tiga aspek utama seperti membaca dan mengira.
India	Literasi dikaitkan dengan proses pembelajaran membaca, menulis teks dan nombor serta mengira. Preedip et al., (2018) literasi merujuk kepada kanak-kanak 6 tahun dan keatas mempunyai keupayaan membaca, menulis dan mengira.
Kenya	Literasi ialah orang-orang yang berumur 15 tahun mempunyai keupayaan untuk menulis dan membaca.
Belanda	Literasi dikaitkan dengan kemahiran membaca dan menulis yang mana kemahiran tersebut dapat digunakan untuk pembelajaran seterusnya.

**2.3 Kajian Lepas**


Antara kajian lepas yang relevan adalah kajian oleh Mohd Faris (2017) mengenai Literasi Geografi dalam kalangan Murid Tingkatan 4 di Malaysia. Kajian ini menilai hubungan antara tahap literasi geografi dengan pendidikan formal, melibatkan 1031 responden. Pendekatan kuantitatif digunakan, dan literasi geografi dibahagikan kepada tiga domain: pengetahuan, kemahiran, dan nilai. Kajian menunjukkan tahap pengetahuan geografi berada pada tahap sederhana; 65% responden tidak dapat menjawab dengan tepat mengenai rakan dagang utama Malaysia, iaitu Amerika Syarikat, dan hanya 43% menjawab tepat mengenai jumlah populasi penduduk Malaysia. Dalam domain kemahiran, 52% responden tidak dapat mengungkapkan maksud globalisasi, dan 53% gagal menentukan jenis pekerjaan dalam peta topografi. Kajian Judith Nyambal & Mohd Faris (2020) pula menilai literasi geografi pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kajian ini memfokuskan literasi identifikasi tempat seperti nama dan ciri fizikal dan manusia, melibatkan 217 responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa 54.4% pelajar berada dalam kategori cemerlang, 27.6% dalam kategori baik, 14.7% dalam kategori sederhana, dan 3.2% dalam kategori lemah. Analisis statistik inferensi menunjukkan hubungan signifikan antara pengalaman mengambil mata pelajaran geografi dan melancong dalam negara dengan pencapaian literasi. Kajian oleh Hibszer (2011) menunjukkan bahawa pelajar mempunyai sikap negatif terhadap mata pelajaran geografi, dengan 94.6% responden menyatakan pembelajaran geografi sukar, dan hanya 39% menganggapnya menyeronokkan. Ini menekankan perlunya pendekatan pembelajaran abad ke-21 untuk menarik minat pelajar.

Kajian Fikert (2015) menilai tahap literasi geografi pelajar sarjana di Turki, melibatkan 1589 pelajar dari 127 universiti. Hasil kajian menunjukkan 70% pelajar mampu menjawab soalan istilah asas dengan baik, dengan pelajar perempuan menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada lelaki dalam literasi istilah geografi. Kajian Zamri Mahamod et al. (2021) mengenai tahap kemahiran membaca dan menulis murid B40 menunjukkan bahawa tahap kemahiran membaca dan menulis murid B40 adalah sangat terhad. Kajian ini melibatkan murid B40 dari pelbagai etnik di dua sekolah menengah kebangsaan, dengan penemuan menunjukkan perbezaan dalam kemahiran membaca dan menulis antara etnik Cina, India, dan Melayu.

## 2.4 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Literasi Geografi Fizikal

Beberapa faktor mempengaruhi tahap literasi geografi fizikal termasuk demografi, latar belakang ibu bapa, dan faktor individu. Dari segi demografi demografi, Jantina memainkan peranan dalam tahap literasi geografi. Kajian Winship et al. (2004) dan Mhisi et al. (2013) menunjukkan bahawa pelajar lelaki cenderung mempunyai literasi geografi yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan, mungkin disebabkan pendedahan sosiobudaya yang berbeza. Latar Belakang Ibu Bapa juga memberi kesan besar terhadap pencapaian akademik pelajar, di mana pendidikan ibu bapa mempengaruhi pencapaian akademik anak. Ibu bapa dengan pendidikan tinggi cenderung memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik anak-anak, seperti yang dinyatakan oleh Ishak (2004) dan Abd. Razak & Norani (2011). Pendapatan isi rumah juga mempengaruhi keupayaan pelajar di luar bandar (Qihui Chen, 2009). Faktor Individu juga penting kerana minat individu terhadap mata pelajaran geografi mempengaruhi pencapaian. Kajian Sando (2013) menunjukkan bahawa minat yang tinggi meningkatkan pencapaian dalam pembelajaran geografi. Aksoy (2019) dan Harackiewicz et al. (2016) menyokong bahawa minat yang mendalam mempengaruhi tahap literasi geografi. Penggunaan media, seperti yang dinyatakan oleh Sohana (2016) dan Roper (2006), juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan pengetahuan geografi.

## 3. Lokasi Kajian



**Rajah 1.** Peta lokasi kajian iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Slim  
**Sumber:** Kajian lapangan (2023)

## 4. Metodologi Kajian

### 4.1 Instrumen Kajian

Instrumen kajian digunakan untuk mengumpul data yang diperlukan untuk menjawab soalan penyelidikan. Instrumen ini termasuk ujian pensil dan kertas serta borang soal selidik. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif, dengan borang soal selidik terdiri daripada empat bahagian utama. Bahagian A mengandungi 14 item yang berkaitan dengan maklumat demografi atau latar belakang responden. Soalan yang terdapat dalam bahagian ini ialah jantina, 45 umur, tingkatan, bangsa, agama, kehadiran ke sekolah dalam seminggu, tahap pendidikan bapa dan ibu, pekerjaan bapa dan ibu, pengkelasan pendapatan keluarga, kekerapan membaca buku rujukan geografi, sumber rujukan yang digunakan untuk mencari maklumat berkenaan geografi dan minat terhadap mata pelajaran geografi. Soalan-soalan dalam bahagian A dibina berasaskan kepada kesesuaian objektif kajian. Bahagian B mengandungi 10 item yang berkaitan dengan tahap pengetahuan literasi istilah geografi fizikal. Setiap soalan ini diberikan empat (4) pilihan jawapan dan responden hanya perlu bulat jawapan yang tepat. Bahagian C pula mengandungi satu soalan berkaitan dengan teks baca. Elemen yang ada dalam bahagian c seperti kemahiran membaca, melihat, bertutur dan mendengar. Para responden akan dinilai melalui teks bacaan yang dipetik dalam buku teks tingkatan satu muka surat 51. Oleh itu, pemarkahan kemahiran membaca dan melihat serta bertutur dan mendengar pula akan dinilai berdasarkan item-item berikut; jeda, sebutan, kelancaran, melihat, bertutur, dan mendengar. Bahagian D merupakan bahagian yang perlu responden menulis dan mencipta sesuatu berdasarkan geografi fizikal. Bahagian ini dijalankan secara berkumpulan dan proses pemarkahan dilakukan berdasarkan item-item berikut; kekemasan, kerjasama kumpulan, masa, label dan kreativiti.

Seterusnya, pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini kerana membolehkan pengumpulan data yang sistematik dan dapat dianalisis secara objektif menggunakan kaedah statistik. Kaedah ini sesuai bagi mengenal pasti tahap literasi geografi fizikal pelajar dalam skala yang lebih luas, terutamanya dalam kalangan pelajar di kawasan luar bandar. Instrumen soal selidik telah dipilih sebagai kaedah utama pengumpulan data kerana merupakan satu alat yang efisien, menjimatkan masa dan kos, serta membolehkan data dikumpul daripada bilangan responden yang besar dalam tempoh masa yang singkat. Selain itu, soal selidik memudahkan pengkaji mengukur pelbagai aspek secara serentak seperti tahap pengetahuan, kefahaman konsep, serta persepsi pelajar terhadap literasi geografi. Pemilihan soal selidik juga lebih praktikal berbanding ujian secara langsung atau praktikal yang memerlukan perancangan logistik, sumber tambahan atau ruang yang mungkin terhad di sekolah luar bandar. Tambahan pula, kandungan soal selidik telah dibina berdasarkan indikator literasi geografi fizikal yang bersesuaian dengan tahap kognitif pelajar menengah rendah serta memastikan kesesuaian dan kebolehpercayaan instrumen dalam konteks kajian. Oleh itu, penggunaan soal selidik sebagai instrumen kajian adalah bertepatan dengan objektif kajian dan keperluan lapangan.

#### **4.2 Kaedah Analisis Data**


Data yang dikumpul akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26. Beberapa jenis analisis digunakan bagi memenuhi objektif kajian dan menjawab persoalan penyelidikan. Analisis deskriptif digunakan untuk menentukan kekerapan, bilangan dan peratusan jawapan responden terhadap setiap item soal selidik. Selain itu, ujian Kolerasi Pearson dijalankan untuk menguji hubungan antara latar belakang responden dengan tahap literasi geografi fizikal. Ujian ANOVA pula digunakan untuk menilai sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam literasi berdasarkan jantian pelajar. Hasil analisis akan diterjemahkan dalam bentuk jadual, rajah, dan huraian untuk menyimpulkan dapatan kajian.

### **5. Dapatan Kajian**


Bahagian ini menunjukkan dapatan kajian yang bertujuan untuk menjawab objektif kajian iaitu mengenal pasti tahap pengetahuan geografi fizikal dan menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap literasi geografi fizikal di kalangan pelajar di SMK Slim. Kajian ini terdiri daripada 52 orang responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan satu dan dua di SMK Slim di daerah Slim River, Perak yang dipilih secara rawak. Responden yang dipilih juga terdiri daripada pelajar yang mengambil mata pelajaran geografi. Selain itu, latar belakang responden dilihat dari jantina, umur, bangsa, agama, kehadiran ke sekolah dalam seminggu, tahap pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa, pengkelasan pendapatan keluarga, kekerapan membaca buku rujukan geografi, sumber rujukan yang digunakan untuk mencari maklumat berkenaan geografi dan minat terhadap mata pelajaran geografi.

Rajah 2, Rajah 3 dan Jadual 3 menunjukkan skor keseluruhan bagi ujian literasi istilah geografi fizikal yang diambil oleh 52 orang responden di SMK Slim. Data ini menggambarkan tahap penguasaan pelajar terhadap istilah-istilah geografi fizikal yang telah diuji melalui 10 soalan. Secara umumnya, literasi istilah pada tahap lemah menunjukkan kekerapan sebanyak 21 orang responden dengan peratusan 40.4%. Majoriti responden berada pada tahap lemah dalam pengetahuan istilah geografi fizikal. Hal ini menunjukkan bahawa hampir separuh daripada responden masih kurang menguasai istilah-istilah penting dalam geografi fizikal. Selain itu, tahap baik menunjukkan kekerapan 18 orang responden dengan peratusan 34.6% dan kumpulan ini menunjukkan pemahaman yang baik terhadap istilah geografi fizikal, namun masih ada ruang untuk penambahbaikan manakala tahap sangat baik dengan kekerapan enam orang responden dengan peratusan 11.6%. Namun responden dalam kategori ini menunjukkan pemahaman yang sangat baik mengenai istilah geografi fizikal, tetapi bilangan mereka adalah kecil berbanding kategori lain. Akhir sekali, peratusan bagi responden yang menunjukkan tahap literasi sangat lemah adalah sebanyak tujuh orang responden dengan peratusan 13.5%.





**Rajah 2.** Tahap literasi istilah geografi fizikal dalam kalangan pelajar SMK Slim



**Rajah 3.** Tahap kemahiran membaca, melihat, bertutur dan mendengar

**Jadual 2.***Bilangan dan peratus betul dan salah bagi soalan ujian literasi istilah Geografi Fizikal*

Bil	Item Istilah Geografi Fizikal	Betul	Peratus (%)	Salah (%)	Peratus (%)
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan bumi?	21	40.4	31	59.6
2.	Apakah yang dimaksudkan dengan biosfera?	43	82.7	9	17.3
3.	Apakah yang dimaksudkan dengan gunung bongkah?	25	48.1	27	51.9
4.	Apakah yang dimaksudkan dengan teras bumi?	31	59.6	21	40.4
5.	Apakah yang dimaksudkan dengan benua?	30	57.7	22	42.3
6.	Apakah yang dimaksudkan dengan saliran?	11	21.2	41	78.8
7.	Apakah yang dimaksudkan dengan Tsunami?	42	82.7	10	17.3
8.	Apakah yang dimaksudkan dengan graviti?	28	53.8	24	46.2
9.	Apakah yang dimaksudkan dengan fenomena El-Nino?	27	51.9	25	48.1
10.	Apakah yang dimaksudkan dengan musim tengkujuh.	19	36.5	33	63.5

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar berada pada tahap lemah atau sederhana dalam literasi istilah geografi fizikal. Walaupun 53.26% pelajar dapat menjawab ujian dengan betul, tahap pemahaman mereka masih boleh dipertingkatkan. Peratusan pelajar yang menunjukkan pemahaman sangat baik adalah kecil, manakala sebahagian besar pelajar masih belum menguasai istilah dalam geografi fizikal secara keseluruhan. Oleh itu, tahap literasi istilah geografi fizikal di kalangan pelajar SMK Slim masih perlu diperbaiki dan usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap istilah geografi fizikal melalui pendekatan pengajaran yang lebih berkesan dan sumber pembelajaran yang lebih menyeluruh.

### **5.1 Tahap Kemahiran Membaca, Melihat, Bertutur Dan Mendengar**

Rajah 3 menunjukkan tahap kemahiran membaca, melihat, bertutur, dan mendengar bagi 52 orang responden. Berikut adalah analisis iaitu tahap bagi kemahiran ini menunjukkan majoriti responden berada pada tahap baik 36 orang responden 69.2% manakala tahap cemerlang 11 orang responden 21.2%. Akhir sekali, peratusan bagi responden yang berada pada tahap sederhana adalah sebanyak tiga orang responden, mewakili 5.8% daripada keseluruhan responden, manakala bagi tahap sangat lemah adalah dua orang responden, yang mewakili 3.8%. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa masalah membaca bukanlah isu baharu, baik di Malaysia mahupun di negara lain, termasuk negara maju dan


negara berkembang. Isu ini berlaku secara meluas dan memerlukan perhatian serius dari pihak berkepentingan, kerana ia mempengaruhi kemampuan pelajar untuk mencapai tahap literasi yang lebih tinggi. Penekanan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan serta intervensi yang sesuai adalah penting untuk mengatasi masalah ini dan meningkatkan kemahiran membaca di kalangan pelajar. Secara keseluruhannya, hasil dapatan dari ujian ini, seramai enam orang responden mendapatkan markah antara kosong hingga lima. Hal ini kerana, responden ini tidak dapat menepati elemen-elemen pemarkahan seperti jeda, sebutan, kelancaran, dan mendengar. Namun demikian, seramai 46 orang responden yang mendapatkan markah antara enam ke 10 daripada ujian ini. Manakala responden dari kelas 1A dan 2A telah memperolehi markah tertinggi iaitu antara lapan hingga 10 markah. Hal ini kerana 1A dan 2A merupakan kelas yang pertama. Manakala 1B merupakan kelas kedua dan 2D kelas yang ketiga. Seterusnya, peneliti dilakukan keatas responden yang telah melakukan ujian kemahiran membaca, melihat bertutur dan mendengar. Berdasarkan hasil dapatan analisis, terdapat lima orang responden yang mempunyai masalah dari segi jeda, seorang responden mempunyai masalah dari segi sebutan, dua orang responden mempunyai masalah dari segi kelancaran, dua responden mempunyai masalah dari segi bertutur dan enam orang responden yang mempunyai masalah dari segi mendengar. Selain itu, terdapat juga dua orang responden telah menghadapi kesulitan membaca dan memperolehi markah antara kosong hingga dua sahaja. Antara kesulitan yang dihadapi oleh responden-responden yang tidak dapat markah yang penuh adalah seperti berikut;

- a) Tidak boleh membaca perkataan melebihi dua suku kata.
- b) Masalah pertuturan: pelat, gagap atau menghadapi kekurangan dalam sistem artikulasinya. Responden yang mempunyai masalah ini tidak boleh menyebut atau membaca dengan betul.
- c) Pembacaan kata demi kata: Kesukaran membaca secara lancar, biasanya disebabkan oleh kegagalan dalam pemecahan kode (decoding), pemahaman makna kata, atau kurang lancar membaca.
- a) Huruf Vocal: Kesukaran dalam membaca huruf vokal dengan betul, contohnya, menyebut "mantel" sebagai "mentel.

## ***5.2 Tahap Kemahiran Menulis Dan Mencipta***

Tahap kemahiran menulis dan mencipta ditentukan berdasarkan model yang dibina oleh responden di SMK Slim dan kemahiran ini dinilai semasa dan selepas aktiviti membina model ini. Rajah 4 menunjukkan skor keseluruhan bagi tahap kemahiran menulis dan mendengar di kalangan 52 orang responden yang dibahagikan kepada 15 kumpulan. Berdasarkan dapatan tahap cemerlang sebanyak 10 kumpulan dengan peratusan 66.7% daripada keseluruhan kumpulan, berada pada tahap cemerlang dalam kemahiran menulis dan mendengar, manakala tahap baik sebanyak 5 kumpulan dengan peratusan 33.3%,

menunjukkan tahap baik dalam kemahiran ini. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti responden menunjukkan prestasi yang baik dan cemerlang dalam aktiviti menulis dan mendengar secara berkumpulan. Kejayaan ini mungkin disebabkan oleh kecenderungan pelajar untuk lebih suka bekerja dalam kumpulan, yang membolehkan mereka berkolaborasi dan mendapatkan kepuasan daripada topik yang diajar oleh guru. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa pelajar berjaya membina dan menyiapkan model lapisan struktur bumi serta melabel setiap lapisan dengan betul.



**Rajah 4.** Tahap kemahiran menulis dan mencipta

Menurut Ariegusrini Agus & Mohamad Johdi Salleh (2009), kaedah kerja berkumpulan adalah berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan ini membolehkan guru membahagikan pelajar kepada kumpulan yang terdiri daripada gabungan pelajar dengan pelbagai tahap prestasi, iaitu tinggi, sederhana, dan rendah. Tujuan utama adalah untuk menggalakkan pembelajaran yang sihat di antara pelajar serta memudahkan perkongsian idea di antara mereka. Gabungan pelajar dengan tahap pembelajaran yang berbeza juga dapat menggalakkan saling membantu dan berinteraksi. Sebagai tambahan, meletakkan pelajar yang lemah dalam kumpulan dengan tahap yang sama boleh menyebabkan mereka merasa bosan dan tidak berpartisipasi aktif dalam aktiviti yang dijalankan. Oleh itu, pendekatan yang lebih inklusif, yang menggabungkan pelajar dari pelbagai tahap, adalah penting untuk memastikan semua pelajar terlibat secara aktif dan bersemangat dalam proses pembelajaran.

## 5. Perbincangan

Matlamat utama kajian ini adalah untuk menguji tahap literasi geografi fizikal dan kemahiran membaca dan melihat, bertutur dan mendengar, menulis dan mencipta. Kajian ini hanya disekolah luar bandar iaitu SMK Slim yang melibatkan seramai 52 orang pelajar geografi tingkatan satu dan dua sebagai sampel. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mencatatkan tahap literasi geografi fizikal dalam kalangan pelajar di SMK Slim adalah baik iaitu sebanyak 53.26% daripada keseluruhan sampel yang terlibat. Namun, literasi istilah geografi masih lemah, dengan majoriti pelajar menunjukkan pemahaman yang kurang. Di samping itu, dalam kemahiran membaca, bertutur, dan mendengar, kebanyakan pelajar menunjukkan kemajuan yang baik, meskipun ada pelajar yang menghadapi kesukaran dalam membaca dan bertutur akibat masalah artikulasi dan pendengaran. Bagi kemahiran menulis dan mencipta, kebanyakan pelajar menunjukkan prestasi cemerlang, terutama dalam kerja kumpulan di mana mereka berjaya membina model yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Kajian ini juga mendapati bahawa pembelajaran dalam kumpulan dapat membantu pelajar menyelesaikan masalah dengan lebih baik, kerana perbincangan dalam kumpulan memberi perspektif yang berbeza dan memperkukuhkan pemahaman mereka.

Selain itu, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi tahap literasi geografi seseorang individu. Kajian oleh United States National Geographic Roper (2002) menunjukkan bahawa tahap pendidikan dan pengalaman pembelajaran memainkan peranan penting dalam menentukan literasi geografi, di mana mereka yang berpendidikan tinggi cenderung mencapai prestasi lebih baik. Kajian Sando (2013) pula menekankan bahawa minat terhadap geografi juga meningkatkan pencapaian. Selain itu, faktor tahap pendidikan ibu dan sumber rujukan juga didapati memberi pengaruh signifikan terhadap penguasaan literasi istilah geografi, dengan nilai signifikan 0.05 dan 0.045. Geografi yang mengandungi unsur sains dinamik boleh menyebabkan kebosanan pelajar, oleh itu, guru perlu memastikan pembelajaran yang menarik dan kondusif agar minat pelajar terus terjaga. Menurut kajian Mhisi et al., (2013) menjelaskan bahawa terdapat pelajar lelaki mempunyai tahap literasi tinggi dari segi ilmu pengetahuan lokasi dan tempat. Skor 109 min menunjukkan bahawa pelajar lelaki sebanyak 81 peratus berbanding pelajar perempuan yang hanya memperoleh skor min sebanyak 67 peratus. Oleh itu, kajian ini telah membuktikan bahawa faktor jantina dapat memberi impak kepada tahap penguasaan literasi geografi mereka. Namun begitu, bagi kajian ini berbeza pula dengan kajian lepas. Dapatan analisis dalam kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina di SMK Slim.

## 6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberikan gambaran mengenai tahap literasi geografi fizikal dan kemahiran membaca, bertutur, mendengar, menulis, dan mencipta dalam kalangan pelajar luar bandar di SMK Slim. Walaupun hasil kajian menunjukkan beberapa pencapaian yang baik, terdapat kekurangan yang perlu ditangani dalam kajian akan datang. Antara cadangan untuk kajian masa hadapan termasuk memperluaskan pemboleh ubah yang dikaji, seperti pengaruh persekitaran dan peranan sekolah, serta fokus kepada kaedah bahan bantu mengajar oleh guru untuk meningkatkan literasi geografi. Kajian dengan menggunakan kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif serta melibatkan skala responden yang lebih besar juga dicadangkan untuk memperoleh hasil yang lebih kukuh. Selain itu, kajian ini hanya terhad kepada pelajar di SMK Slim, dan disarankan agar kajian diperluaskan ke sekolah-sekolah lain di kawasan Muallim atau Batang Padang untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh. Kajian ini juga boleh ditambah baik dengan menilai faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan kerja kumpulan dalam pengajaran, seperti sikap, minat bekerja dalam kumpulan, dan dorongan rakan sebaya. Akhir sekali, menambah bilangan responden termasuk pelajar dari tingkatan yang lebih tinggi seperti tingkatan 6 akan memberikan maklumat yang lebih tepat mengenai keberkesanan pendekatan kerja berkumpulan terhadap pembelajaran pelajar.

## 7. Penghargaan

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini secara langsung mahupun tidak langsung.

### Sumbangan Penulis

Fatin Nurnajwa Mohamad Asri: Pengumpulan data, semakan dan penyuntingan.

**Konflik Kepentingan:** Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

### Penyataan Ketersediaan Data

Penulis mengesahkan bahawa data yang menyokong dapatan kajian ini tersedia dalam artikel ini.

## RUJUKAN

- Abdul Rashid Moten (1998), *A Guide to Research Proposal and Report Writing*. Selangor: *Research Centre International Islamic University, Malaysia*.  
<https://www.onesearch.id/Record/IOS8157.ai:slims-32988>
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.

- Abd. Razak Zakarian & Norani Mohd Salleh. (2011). Konteks Keluarga dan Hubungannya dengan Penglibatan Ibu Bapa dalam pendidikan Anak-anak di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 36 (1), 35-44.
- ACARA. (n.d.). Literacy learning progression and Geography. Australian Curriculum Assessment and Reporting Authority.  
<https://www.australiancurriculum.edu.au/media/3654/literacy-geography.pdf>
- Ahmad Suhael Adnan (2023, April 17). Malaysia dijangka alami El-Nino hingga September. *Bharian*.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023>
- Aksoy, B. (2019). Determination of map literacy of undergraduate geographic students. *Review of International Geographical Education Online*. 9 (3), 591-603. <https://doi.org/10.33403./rigeo.582301>
- Amriah B. (2007). Memperkasa geografi manusia di malaysia: isu dan cabaran. *Jurnal e-bangi: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 2 (2). P. 23.
- Amirullah. (2015). *Populasi dan Sampel. Metode Penelitian Manajemen*. Malang: Bayumedia Publishing.
- Ariegusrini Agus., Mohamad, Johdi Salleh. (2009). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan (pp. 183–196). <https://core.ac.uk/download/pdf/300398031.pdf>
- Arnaud Chevalier, Colm Harmon, Vincent O' Sullivan & Ian Walker. (2013). The impact of parental income and education on the schooling of their children. *Journal of Labor Economics* 2013, 2:8
- Balderstone, D. (Ed.). (2006). *Secondary Geography Handbook*. Sheffield, UK: Geographical Association.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying The Rasch Model fundamental measurement in the human sciences*. Routledge & T. & F. Group, Eds. (Third Edit). New York & London.
- Celinea Lasan & Zamri Mahamod. (2018). Pembelajaran reciprocal (timbang balik) dalam kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam kalangan murid peribumi Bidayuh. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 43 (3). pp. 1-15.
- Chen, Qihui. (2009). Family Background, Ability and Student Achievement in Rural China – Identifying the Effects of Unobservable Ability Using Famine- Generated Instruments Family Background, Ability and Student Achievement in Rural China.
- Chua, Y.P. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 2: Asas Statistik Penyelidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill Education.
- Effandi Zakaria dan Razak Habib. (2006). Kesan Pembelajaran Koperatif Ke Atas Pelajar Matrikulasi Dalam Mata Pelajaran Matematik. *Jurnal Teknologi*, 45€, 34-62. Diperoleh daripada <https://www.researchgate.net/publication/275479584>
- Fikret, T. (2015). What is the level of undergraduate students' geographic literacy in Turkey? *H.U. Journal of Education*, 30((2), 126-136.  
<http://www.efdergi.hacettepe.edu.tr/yonetim/icerik/makaleler/12-published.pdf>

- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2018). Kerangka Konseptual dan Teoretikal Kajian. In Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian (Edisi Kedua, pp. 168–221).
- Goodman, K. S. 1971. Psycholinguistic Universals in The Reading process. The psychology of second language learning. Cambridge: Cambridge University Press. 135.
- Harackiewicz, J. M., Smith, J. L., & Priniski, S. J. (2016) Interest Matters: The Importance of Promoting Interest in Education. *Policy Insight Behav Brain Sci.*, 3 (2), 220-227
- Hennerdal, P. (2016). Changes in place location knowledge: a follow-up study in Arvika, Sweden, 1968 and 2013. *International Research in Geographical and Environmental Education*, 25(4), 309–327. <https://doi.org/10.1080/10382046.2016.1207991>
- Hibszer, A. (2011): Perceiving geography as a school subject by pupils of lower secondary school (in the cities of Silesian voivodeship). Sonowiec: University of Silesia
- Hornby, A. S. (1995). Oxford Advanced Learner's Dictionary. Oxford: Oxford University Press. Diakses daripada <https://www.scirp.org/>
- Hosman, L.A. & Siltanen (2006). Powerful and powerless language from: Their consequences for impression formation, attributions of control of self and control of others, cognitive responses, and message memory. *Journal of Language and Social Psychology*, 25 (1), 33-46.
- Ishak Mad Shah. (2004). "Konsep Kendiri Dan Pencapaian Akademik Golongan Remaja: Melihat Sejauhmana Gaya Kepimpinan Ibu Bapa Sebagai Moderator." *Jurnal Teknologi*, 40(E): 33–43.
- Ismail Zawawi. (2015) Keberkesanan komik dalam pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah. *Master's thesis, University of Malaya*.
- Izan Yusoff & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2020). Pengajaran Membaca Dalam Pembelajaran Bahasa Kedua: Aplikasi Kemahiran Dan Strategi. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke5 (2020)*.  
<http://conference.kuis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak5/ID147.pdf>
- Jasmi & Kamarul Azmi. (2012). Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif in Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Judith Nyambal & Mohd Faris Dziauddin(2022). Literasi Geografi Dalam Kalangan Pelajar Geografi Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsi). *Geografi*. 46(1&2), 120–146.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Geografi Tingkatan 3. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lam Lee Mein (2013). Pengurusan Disiplin di Tiga Buah Sekolah Menengah Daerah Kota Tinggi, Johor. [Unpublished dissertation]. University Teknologi Malaysia. Malaysia.
- Mekonnen, F. H. (2020). What is the Level of Geographic Literacy Among Undergraduate Students of Bahir Dar University? *Eastern Africa Social Science Research Review*, 36(1), 97–114. <https://doi.org/10.1353/eas.2020.0005>



- Mhishi, M., Pedzisai, E., & Mandoga, E. (2013). Geographic Literacy and World Knowledge amongst Open Distance Learning Students in Zimbabwe. *Greener Journal of Educational Research*, 3(7), 301–309. <https://doi.org/10.15580/gjer.2013.7.051413612>
- Mihailidis, P., & Thevenin, B. (2013). Media literacy as a core competency for engaged citizenship in participatory democracy. *American Behavioral Scientist*, 57(11), 1611-1622.
- Mohd Faris Dziauddin (2017). Menilai literasi geografi dalam kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah menengah Malaysia. *Geografi*, 5 (2), 27-38.
- Mohammad Zohir Ahmad @ Shaari. (2016). Pendidikan Geografi di Sekolah-Sekolah Malaysia: Perkembangan dan Isu. *Geografi*, 4 (1), 1-10.
- Montoya, S. (2018, October 17-18). Defining literacy. [PowerPoint slides]. Slide Presentation. [https://gaml.uis.unesco.org/wpcontent/uploads/sites/2/2018/12/4.6.1\\_07\\_4.6-defining-literacy.pdf](https://gaml.uis.unesco.org/wpcontent/uploads/sites/2/2018/12/4.6.1_07_4.6-defining-literacy.pdf)
- Muhammad Hafiz, A. M. (2020). Literasi geografi aras rendah dalam kalangan mahasiswa geografi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). *Geografi*, 8(1), 70-110. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol8.1.4.2020>
- National Geographic-Roper Public Affairs. (2006). Geographic literacy study. Prepared for: The National Geographic Education Foundation National Geographic Society NW Washington, D.C.
- Nazariyah Sani. (2014). Merapatkan jurang literasi murid-murid orang asli: Apakah Cabarannya? *Journal Personalia Pelajar*, 17 (2014): 19-30
- Noraini, I. (2013). Penyelidikan dalam Pendidikan. Edisi Kedua. Selangor: McGraw Hill Education.
- Nor Shahila Ishak., & Fariza Khalid. (2021). Penggunaan video YouTube bagi Meningkatkan Minat dan Pencapaian murid dalam Pembelajaran Geografi Fizikal di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 228–240. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i3.708>
- North Carolina Geographic Alliance. (2023). *Geographic literacy*. Diperoleh April, 4, 2023 daripada <https://geo.appstate.edu>
- Nurul Jamilah Rosly, & Nor Zainiyah Norita Mokhtar. (2021). Mendepani cabaran literasi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid orang asli jakun Lenga, Johor: satu tinjauan awal. *Asian Journal of Civilizational Studies. (AJOCS)*, 3 (3) : 83-102
- Nurul Salmi, Mohd Dazali & Mohd Isha Awang. (2014). Tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 4 (2). Pp. 44-56
- Oigara, J. (2006). A multi-method study of background experiences influencing levels of geographic literacy.
- Preedip Balaji, Vinay. M. S., J. S. Mohan Raju. (2018). A policy Review of public Libraries in India. <http://dx.doi.org/10.13140/RG.2.2.21433.88160>
- Roper (2006). The National Geographic Education Foundation National Geographic Society: Final Report, National Geographic Roper 2006 Global Literacy Survey.

- Rusli Yusuf, Sanusi, Razali, Maimun, Irwan Putra & Iwan Fajri (2020). Tinjauan Literasi Budaya dan Kewargaan Siswa SMA Se-kota Banda Aceh. *Jurnal pendidikan kewarganegaraan Undiksha*. 8 (2). 91-99.
- Sando. A (2013). Hubungan antara lingkungan belajar dan minat belajar dengan prestasi belajar geografi. *Jurnal Penelitian Geografi*. 1(6). 7-8.
- Sohana Abdul Hamid. (2016). Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. *Jurnal e-Bangi*, 1(Special Issue, October), 214-226.
- Strahler, A. N., & Strahler, A. H. (1983). *Modern physical geography* (3rd ed.). New York: John Wiley & Sons.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod & Afendi Hamat. (2011). Faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 89-107.
- UNESCO. (2010). *Global Education Digest 2010: Comparing education statistic across the world*. Diperoleh daripada [http://www.uis.unesco.org/library/Documents/GED\\_2010\\_EN.pdf](http://www.uis.unesco.org/library/Documents/GED_2010_EN.pdf)
- Utami, W. S., Zain, I. M., & Sumarmi. (2018). Geography literacy can develop Geography skills for high school students: is it true? *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, 296, 012032. <https://doi.org/10.1088/1757-899x/296/1/012032>
- Whittow J. B. (1984). *The Penguin dictionary of physical geography*. London: Penguin Books.
- Winship, J., Dunning, D., & Plowman, L. (2004). Gender differences in geographical literacy: Implications for teaching and learning. *Journal of Geography Education*, 52(3), 182-189.
- Wishing, J. M., Grosmont, L. S., Kennedy, L. M., & Morrill, R. W. (2014). *Geographic Literacy and World Knowledge Among Undergraduate College Student*.
- Zalika Adam, Faridah Kassim, Mohamad Johdi Salleh. (2009). *Memperkasakan Pendidikan Luar Bandar. Prosiding "Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009"*, 3-5 Februari 2009, Hotel Beverly, Kota Kinabalu, Sabah. Anjuran: Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial, University Malaysia Sabah
- Zamri Mahamod, Rohaida Mazalan, Norziah Amin, & Mohd Zaki Abd. Rahman. (2021). Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Murid-murid B40 dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12 (1), 40-62. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.4.2021>